

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN**

**DEWAN RAKYAT, MALAYSIA**

**DARIPADA : Y.B. TUAN HAJI NASRUDIN BIN HASSAN  
(TEMERLOH)**

**PERTANYAAN : LISAN**

**TARIKH : 25.10.2016**

**Y.B. TUAN HAJI NASRUDIN BIN HASSAN [ TEMERLOH ]** minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan:-

- (a) status terkini projek Taman Industri Minyak, Gas dan Logistik (TAOGLIP) di Tanjung Agas; dan
- (b) jumlah keseluruhan perbelanjaan yang telah digunakan bagi membiayai projek berkenan

**JAWAPAN**

**(a) Status terkini Projek Taman Industri Minyak, Gas Dan Logistik (Taoglip) Di Tanjung Agas :**

- (i) Mesyuarat Majlis Mesyuarat Kerajaan Pahang (MMK) Yang Ke 20/2008 pada 25 Jun 2008 telah bersetuju meluluskan cadangan projek Taman Industri Minyak dan Gas dan Maritim Tg. Agas,

Pekan, Pahang di kawasan seluas 4,225.66 ekar untuk **menempatkan industri berasaskan *supply base and marine services*** di mana PKNP bertanggungjawab untuk memajukan kawasan tersebut. Komponen utama pembangunan kawasan industri ini meliputi Limbungan Kapal dan Pengangkutan Kargo, Limbungan Kapal dan Pengangkutan Luar Pantai, *Fabrication Yard* dan Pelantar LNG, Pusat Perniagaan dan Penempatan Marin, Pangkalan Logistik dan *Fabrication Yard*.

(ii) Projek ini telah dilaksanakan oleh Perbadanan Kemajuan Negeri Pahang (PKNP) dan menggunakan peruntukan Persekutuan di bawah RMK-10.

(iii) Projek ini telah dilaksanakan secara berperingkat (fasa) dan status pelaksanaan terkini adalah seperti berikut :

**(a) Pembangunan Infrastruktur Asas**

Infrastruktur asas melibatkan pembinaan jalan sepanjang **17.856 km** dan juga pembinaan sebanyak **9 buah** jambatan serta kerja-kerja mekanikal dan elektrik bagi pemasangan lampu jalan telahpun siap pada Julai 2011. Projek pembangunan infrastruktur ini yang bermula pada 1 Oktober 2009 telahpun siap sepenuhnya pada 15 Julai 2011 dengan kos keseluruhan sebanyak **RM428,913,904.58**

### **(b) Pembangunan Sistem Bekalan Elektrik**

Bagi pembangunan sistem bekalan elektrik dan air, ianya sedang giat dibangunkan. Pembangunan sistem bekalan elektrik termasuk pembinaan Pencawang Masuk Utama (PMU), Pencawang Pembahagi Utama (PPU) dan Sistem Suis Utama (SSU) sedang diperingkat akhir pelaksanaan dan dijangka bekalan elektrik dapat disambungkan menjelang akhir tahun 2017.

### **(c) Pembangunan Sistem Bekalan Air**

Bagi pembangunan sistem bekalan air pula melibatkan kerja-kerja pembinaan tangki air berkapasiti 600,000 gallons, pembinaan tangki sedutan serta kerja-kerja pemasangan paip yang mana kerja-kerja pembinaan saluran paip dijangka siap dan seterusnya air dapat dibekalkan pada September 2018.

### **(b) Jumlah Keseluruhan Perbelanjaan Yang Telah Digunakan Bagi Membiayai Projek Berkenaan**

Projek ini dianggarkan berjumlah RM448juta. Penyaluran peruntukan kepada PKNP dibuat secara berperingkat-peringkat berdasarkan kemajuan projek. Pelaksanaan dan pemantauan projek dilakukan sepenuhnya oleh PKNP.